

## **Perspektif Wanita Terhadap Poligami Dalam Skrip Monodrama *Menunggu Lampu Hijau***

*Women Perspectives On Polygamy In Monodrama Script Menunggu Lampu Hijau*

Bazilah Zawanah Binti Amran  
<sup>1</sup>Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah

Program Persuratan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: A165666@ukm.edu.my  
<sup>1</sup>nurafifah@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan perspektif watak-watak wanita tentang poligami dalam skrip monodrama Menunggu Lampu Hijau. Karya skrip ini telah dihasilkan oleh penerima anugerah S.E.A (2008) iaitu Hatta Azad Khan pada tahun 2015. Poligami yang menjadi aspek utama dalam karya ini dan ia diperbincangkan dari perspektif pelbagai wanita yang berkedudukan status sosial yang juga pelbagai dalam masyarakat Melayu. Kajian ini meneliti perspektif wanita yang pelbagai kedudukan sosial apabila berhadapan dengan isu poligami. Pengarang juga telah berjaya menjelaskan gambaran penerimaan dan penolakan poligami oleh watak-watak wanita dalam skrip tersebut. Metodologi kajian terhadap skrip monodrama ini berbentuk kualitatif. Pendekatan yang digunakan bagi menganalisis karya ini ialah pendekatan gender yang berkait dengan teori psikologi dan sosiologi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa konsep dalam teori psikologi dan pengaruh sosial dalam teori sosiologi ditemui dalam skrip ini. Konsep Id dan Superego dalam teori psikologi telah merungkai perspektif Syarifah Edora, Cik Sepia, Alia Najwa, isteri-isteri abang Bakri dan Badri, Norma dan Rugayah. Pengaruh persekitaran yang dibawa daripada teori sosiologi turut memainkan peranan kerana watak Rugayah, Rozita serta isteri-isteri rakan Ahmad Bakti dan Badri memberikan perspektifnya kerana pengaruh masyarakat sekeliling.*

**Kata kunci :** poligami, kritikan, drama Melayu, pendekatan gender, Hatta Azad Khan

### **ABSTRACT**

*The aim of the paper is to discuss the perspectives of women characters on polygamy in the monodrama script Menunggu Lampu Hijau. This script artwork was produced by the winner of S.E.A write award (2008) which is Hatta Azad Khan in 2015. Polygamy is the main aspect in this artwork, and it was discussed from the perspectives of a woman who has the variety of social status in Malay community. This study focuses on the perspectives of women of various social backgrounds when it comes to polygamy issue. The author also has successfully shown the acceptance and rejection of polygamy by the female characters in the script artwork. The methodology of this research in this monodrama script is qualitative. The approach that is used to analyze this artwork is a gender approach which is related to the psychological and sociological theory. The results of this study show that there are several concepts in psychological theory and social influence in sociological theory found in this script. The concept of Id and Superego in psychological theory has shown the perspectives of Syarifah Edora, Cik Sepia, Alia Najwa, the wives of Bakri and Badri, Norma and Rugayah. The influence of the environment*

*brought on by sociological theory also play a role because Rugayah, Rozita and Ahmad Bakti's friends' wives gave their perspective because of the influence of the society.*

**Keywords:** *polygamy, critics, Malay drama, gender approach, Hatta Azad Khan*

## 1. Pengenalan

Menurut Asiah Sarji (1997), skrip bermaksud idea yang dikembangkan menjadi isu dan persoalan atau siri-siri kejadian yang saling berkaitan dan menyumbang. Manakala menurut Hatta Azad Khan (2015) pula, perkataan 'Mono' membawa maksud satu atau tunggal. 'Mono' juga mempunyai persamaan dengan 'eka' iaitu sebuah perkataan sanskrit yang membawa makna yang sama. Monodrama ialah drama yang dilakukan oleh seorang pelakon yang membawa pelbagai watak dan mencungkil pelbagai isu melalui sebuah cerita. Sesebuah monodrama bukan sahaja memberi cabaran kepada pelakon yang membawa pelbagai watak, malah penulis skrip dan pengarah juga mengalami cabaran untuk memastikan cerita itu disampaikan dengan baik kepada penonton. Menurut Hatta Azad Khan (2015) juga, sebuah monodrama iaitu *Emily of Emerald Hill* merupakan sumber inspirasi utama dalam penghasilan karya-karyanya.

Skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* ini dihasilkan oleh Hatta Azad Khan. Beliau merupakan seorang sarjana peringkat Kedoktoran Falsafah (Ph.D) dari Universiti New South Wales, Sydney, Australia. Beliau dilahirkan pada tahun 1952 di Jerneh, Terengganu. Anak negeri Terengganu ini mula menceburkan diri sebagai penulis drama pada tahap perkembangan drama eksperimen. Antara karya beliau semasa perkembangan drama eksperimen ialah *Patung-Patung* (1977), *Mayat* (1978) dan *Stesen* (1978). Kemahiran beliau dalam dunia penulis drama telah membuahkan hasil apabila mendapat pelbagai anugerah dan penghargaan seperti Peraduan Menulis Skrip Drama DBP tahun 1976, Hadiah Sastera Malaysia Kategori Drama (1984), johan bagi Pertandingan Menulis Skrip Filem Cereka anjuran Perbadanan Kemajuan Nasional Malaysia (FINAS) dan turut menerima penghargaan skrip drama muzikal oleh Istana Budaya. Beliau juga telah menerima anugerah penulisan peringkat Asia Tenggara, S.E.A Write Awards daripada kerajaan Thailand di Bangkok.

Skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* memerlukan seorang pelakon sahaja yang memainkan pelbagai watak lain. Antara watak-watak yang dipegang ialah Ahmad Bukhari, Ahmad Bakti, Sharifah Edora dan lain-lain. Hubungan watak-watak tersebut mempunyai isu berkaitan poligami. Poligami adalah sebuah perkahwinan seorang lelaki mempunyai pasangan lebih dari seorang perempuan (Abdillah Mustari, 2014). Perspektif gender terhadap poligami dalam skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* dapat dirungkai melalui perwatakan pada watak-watak tersebut. Hal ini kerana, dalam skrip monodrama tersebut, terdapat pelbagai perspektif yang berkait dengan poligami watak-watak lelaki seperti watak Syarifah Edora, Cik Sepia, Alia Najwa, Norma, Rozita, Rugayah, isteri-isteri Ahmad Bakri dan Badri serta isteri-isteri rakan Ahmad Bakti. Tema poligami yang diketegahkan oleh pengarang dalam karya ini melibatkan wanita-wanita yang menjadi isteri kepada suami wanita lain, wanita yang tidak mengetahui bahawa dirinya dimadukan dan wanita yang perlu memberi izin untuk dimadukan.

## 2. Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur dilaksanakan setelah data dikumpulkan untuk menghubungkan kajian-kajian lepas kepada suatu kajian yang baru namun tidak terlepas dari tajuk yang sama. Terdapat beberapa kajian lepas yang dipilih untuk dikaitkan dengan kajian ini. Antaranya ialah 'Persepsi Perempuan Tentang Poligami (Studi pada Badan Musyawarah Organisasi Islam Wanita Indonesia Provinsi Lampung)\*' oleh Dewani Romli (2016) membincangkan persepsi golongan

wanita terhadap poligami. Dewani Romli telah menggunakan metodologi pemerhatian dalam mengutip data. Metod ini melihat dan memahami subjek berdasarkan fakta yang ditampalnya. Kajian menunjukkan poligami tidak digalakkan kerana bimbang tidak berlaku adil dan sekiranya berlaku keadaan darurat, maka poligami boleh dijadikan sebagai solusi sesuatu konflik tersebut.

Selain itu, “Wanita Tiga Serangkai” dalam Syair Sultan Abdul Muluk melalui kritik feminis Showalter oleh Nor Suhada Roslan dan Shaiful Bahri Md Radzi (2017) membincangkan tiga watak dalam syair ini. Melalui jurnal ini, kaedah kepustakaan dan analisis teks menggunakan teori kritik feminis Showalter dalam syair ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengarang telah mengetengahkan kehidupan wanita-wanita yang bermadu dalam keadaan aman damai yang sememangnya bertentangan terhadap perspektif wanita. Kajian Novel Terpilih Shahnun Ahmad: Satu Kajian Pendekatan Gender (Ooi Eng Iye, 2005) ini merungkai persoalan masyarakat yang terdapat dalam novel. Kajian ini membincangkan persoalan gender untuk melihat pergolakan hidup masyarakat Melayu. Persoalan sosial, politik, agama, ekonomi dan perhubungan gender. Penilaian kesenian pengarang turut dikaitkan dengan aspek tema, gaya bahasa, plot, gaya bahasa, sudut pandangan dan latar yang merupakan teknik pengarang untuk memastikan persoalan perhubungan kuasa dan gender terkait.

Seterusnya, Konsep Poligami Mengikut Perspektif Para Isteri dalam Jemaah Global Ikhwan Sdn. Bhd. oleh Farrah Wahida Mustafar dan Adam Badrulhisyam (2018) membincangkan isu poligami dan persepsi para isteri dan kajian menunjukkan bahawa poligami adalah satu cara menerima keberkatan daripada Tuhan. Kajian ini juga mendapati isteri mempunyai cara untuk mengawal pemikiran negatif dan mereka percaya bahawa poligami ini dianggap sebagai takdir Tuhan. Kemudian, *Gender dalam Sastera Melayu* oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2009) membahaskan takrif gender dan hubungan gender dalam sastera Melayu. Terdapat sembilan makalah yang diselitkan dalam buku ini bagi merungkai beberapa buah teks mengikut pandangan yang tertentu. Kebanyakannya membangkitkan isu wanita dari segi imej, persaudaraan antara wanita, manifestasi dan lain-lain.

### **3. Metodologi**

Kajian terhadap skrip monodrama ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif. Kaedah menganalisis kandungan yang berkaitan dengan kajian bagi menghuraikan teks dengan mencari bahan, memilih bahan-bahan dan membaca semua bahan yang berkaitan dengan perspektif gender. Setelah itu, buku-buku, jurnal, artikel dan latihan ilmiah turut digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan dan menguatkan data. Penambahan maklumat mengenai kebaikan, kelemahan terhadap kajian boleh dianalisis melalui tesis-tesis dan jurnal yang terdapat di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Pusat Sumber di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu (BAYU) dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (PATMA), UKM, Bangi. Selain dari media cetak, pengumpulan maklumat melalui internet turut membantu dalam menambah data sebagai bahan kajian.

Bahan utama yang digunakan dalam kajian ini ialah skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* yang terdapat dalam buku OTG karya Hatta Azad Khan. Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 2015. skrip monodrama ini digunakan sepenuhnya dalam menganalisis perspektif gender terhadap poligami. Penggunaan media elektronik dan media cetak adalah untuk merungkai perspektif gender dalam skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Setelah itu, pelbagai konsep berkenaan perspektif gender terhadap poligami dikaji

melalui kaedah analisis kandungan. hal ini kerana, pengkaji menggunakan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian skrip monodrama ini untuk meneliti dengan lebih dekat.

Seterusnya, kaedah temu bual juga digunakan dalam mencari hasil kajian. Kaedah ini melibatkan temu bual bersama pengarang skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Terdapat beberapa soalan diajukan kepada pengarang skrip monodrama ini iaitu Hatta Azad Khan. Temu bual ini telah dijalankan secara atas talian dan beliau banyak membantu dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian ini.

#### **4. Dapatan Dan Perbincangan**

Bahagian ini akan menerangkan tentang hasil dapatan dan perbincangan bagi kajian perspektif wanita ini. Hal ini berkaitan dengan perspektif wanita dalam aspek psikologi dan sosiologi. Dalam aspek psikologi, terdapat dua konsep yang merungkai pandangan wanita iaitu Id dan Superego manakala bagi aspek sosiologi kajian ini berteraskan pengaruh sosial. Pandangan yang diberikan wanita mengikut konsep Id boleh didapati pada watak Syarifah Edora, Cik Sepia dan Alia Najwa manakala bagi konsep Superego boleh didapati pada watak isteri-isteri Ahmad Bakti iaitu Norma dan Rugayah. Pengaruh sosial yang memberi kesan pada perspektif wanita juga dapat disaksikan berdasarkan watak isteri-isteri Ahmad Bakri, Ahmad Badri, Rugayah dan Rozita. Setiap aspek disertakan dengan petikan skrip bagi menunjukkan perspektif watak-watak wanita dalam skrip monodrama ini.

##### ***4.1 Perspektif Watak-Watak Perempuan Dari Aspek Psikologi***

Berdasarkan skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*, watak-watak wanita turut memberi perspektif mereka sama ada melalui perbualan atau perbuatan. Pandangan mereka juga boleh didapati daripada reaksi yang ditunjukkan oleh mereka apabila isu poligami dibangkitkan. Melalui perspektif-perspektif ini dapat dikaitkan dengan Id serta Superego. Perspektif kaum wanita yang berkaitan dengan Id iaitu keinginan dan keperluan yang tumbuh dalam naluri manusia dapat dilihat dari watak Syarifah Edora, Alia Najwa dan Cik Sepia. berbeza pula dengan Superego kerana Superego menjadi pendinding segala situasi yang cuba meruntuhkan prinsip-prinsip kemanusiaan, sosial atau adat istiadat berpandukan aturan komuniti, agama dan seumpamanya. Antara watak-watak yang dapat dikesan Superego dari aspek psikologinya ialah, isteri-isteri abang Bakri dan abang Badri dan isteri-isteri Ahmad Bakti iaitu Norma dan Rozita.

##### ***4.1.1 Id dalam perspektif watak-watak wanita***

###### ***a. Syarifah Edora***

Sebilangan perspektif wanita-wanita dalam skrip monodrama ini telah dipengaruhi oleh isu poligami. Perspektif yang ditonjolkan ini dapat dilihat melalui reaksi atau tindakan yang dilakukan oleh seseorang watak tersebut apabila isu poligami dibangkitkan. Poligami telah menyebabkan keinginan yang wujud dalam naluri manusia oleh watak-watak wanita ini bertambah. Kadang-kadang keinginan dan keperluan manusia telah menyebabkan manusia berperang dengan dengan dirinya, gelisah dan keluh kesah (Mana Sikana, 1998). Perkara ini dapat diketahui melalui petikan berikut:

AHMAD BUKHARI: Boleh bos! Memang itulah hajat saya. (Berhenti seketika) Tapi Kak Dora lain pula. Dia tak layan. Saya bercerita sorang-sorang dan dia buat-buat tak dengar! Tak jawab sepatah dan tak tanya sepatah. Lama-lama saya yang terdiam sendiri. Bila tengok saya terdiam, barulah dia bersuara.

(Hatta Azad Khan, 2015:151-152)

Berdasarkan petikan berikut yang diambil dari skrip monodrama Menunggu Lampu Hijau menunjukkan reaksi watak Syarifah Edora atau dipanggil sebagai Kak Dora apabila Ahmad Bukhari menceritakan kisah kakak-kakak iparnya yang hidup berpoligami. Kesungguhan Ahmad Bukhari menceritakan kisah tersebut kepada Syarifah Edora dan suaminya iaitu Profesor Syed Mahfuz tidak membuahkan hasil kerana hanya Profesor Syed Mahfuz terpegun dan kagum terhadap abangnya kerana hidup berpoligami tanpa masalah. Walau bagaimanapun, Syarifah Edora tidak berkata apa-apa dan tidak mahu menyentuh tentang isu poligami tersebut. Setelah Ahmad Bukhari terdiam kerana melihat tiada reaksi yang ditunjukkan oleh Syarifah Edora, Syarifah Edora mula bersuara untuk memberi amaran kepada Ahmad Bukhari agar tidak mengutarakan topik tersebut. Perkara ini dapat dilihat daripada petikan berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai SYARIFAH EDORA: Lain kali kalau nak bercerita dengan akak, cari topik lain, okay?

(Hatta Azad Khan, 2015:152)

Tindakan Syarifah Edora telah menunjukkan bahawa dia tidak mahu suaminya berpoligami dan menduakannya. Kisah yang diceritakan oleh Ahmad Bukhari telah menyebabkan Syarifah Edora berasa marah. Hal ini bertambah rumit kerana Ahmad Bukhari menyatakan beliau ingin memperkenalkan abangnya, Ahmad Bakti kepada Profesor Syed Mahfuz. Syarifah Edora sekali lagi memberi amaran sekeras-kerasnya kerana tidak mahu suaminya berkahwin sekali lagi. Bagi Syarifah Edora. Dia tidak akan pernah sesekali membenarkan suaminya berkahwin sekali lagi walau apa cara sekalipun. Keputusan yang difikirkan itu adalah muktamad dan tiada dolak-dalik lagi. Keputusan yang dianggap muktamad tersebut dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai SYARIFAH EDORA: Oh, jadi, selama ni Abang Syed kau tu tengah tunggu aku bagi lampu hijau? Sorry, dia tak akan dapat lampu hijau daripada akak. Lampu merah menyala akan sentiasa terpasang di muka akak ni!

(Hatta Azad Khan, 2015:152-153)

Keputusan akhir itu sudah semestinya melekat di fikiran watak wanita yang bernama Syarifah Edora. Beliau bermati-matian tidak mahu dimadukan dengan wanita lain. Beliau sanggup diceraikan daripada dimadukan dengan wanita lain oleh suaminya. Walaupun umurnya sudah meningkat tua, tetapi beliau tetap tidak mahu bertolak ansur dengan kemahuan suaminya. Kesanggupan beliau untuk diceraikan mengukuhkan lagi bahawa beliau menentang idea untuk berpoligami sekeras-kerasnya tanpa kompromi. Hal ini dapat dilihat daripada petikan berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai SYARIFAH EDORA: Tak payah! Kalau dia nak juga lampu hijau tu, dia boleh ceraikan akak.

(Hatta Azad Khan, 2015:153)

Petikan di atas telah menunjukkan bahawa Syarifah Edora tetap dengan keputusannya dan jika suaminya, Profesor Syed Mahfuz tetap ingin memperisterikan wanita lain, beliau akan memastikan suaminya menceraikannya. Walaupun Ahmad Bukhari memujuk Syarifah Edora, namun pujukkan beliau tidak berhasil dan melembutkan hati Syarifah Edora untuk menerima wanita lain sebagai madunya.

***b. Cik Sepia***

Cik Sepia merupakan salah seorang watak wanita seterusnya yang memberi perspektif terhadap poligami. Cik Sepia merupakan ibu kepada Ahmad Bukhari, Ahmad Bakti dan isteri pertama kepada Yatim. Watak Cik Sepia telah dipengaruhi oleh Id yang berkaitan dengan kemarahannya. Sewaktu Abang Bakti kerap memujuk ayahnya untuk berkahwin seorang lagi dan bersama-sama membantu golongan ibu tunggal mereka telah dimarahi Cik Sepia. Keengganan Cik Sepia untuk memberi ruang kepada anaknya, Ahmad Bakti menunjukkan bahawa beliau sama sekali tidak bersetuju untuk membenarkan suaminya menikah sekali lagi. Perkara ini dapat dilihat dari petikan skrip yang berikut:

AHMAD BUKHARI: Itulah dia empat isteri abang yang dinikahnya dalam tempoh tak sampai setahun. Abang cuma menikahi iu tunggal sahaja. Ertinya janda yang ada anak. Janda berhias atau janda tak beranak dia tak sentuh. Golongan ini lebih mudah dapat jodoh kerana tak ada extra baggage. Abang jadi kesayangan seluruh ibu tunggal tapi dijadikan sebagai musuh oleh semua kaum isteri terutama mak Datin. Mak pernah marah dan halau dia keluar rumah bila dia pujuk abah kahwin salah seorang ibu tunggal jagaannya...

(Hatta Azad Khan, 2015:136)

Berdasarkan petikan dari skrip ini, Cik Sepia tidak mahu Ahmad Bakti mempengaruhi suaminya kerana beliau tidak suka akan poligami. Beliau sanggup halau anak sendiri kerana tidak mahu Ahmad Bakti terus menerus menyakinkan ayahnya untuk berkahwin sekali lagi. Cik Sepia juga telah memaki hamun dan memboikot Ahmad Bakti dalam membantu golongan ibu tunggal. Hal ini dapat dikenalpasti melalui petikan berikut:

AHMAD BUKHARI: ...Abang tak serik-serik walaupun kena halau, kena maki hamun dan kena boikot mak, dan isteri-isteri abang Bakri dan abang Badri...

(Hatta Azad Khan, 2015:137)

Keadaan menjadi lebih teruk apabila Cik Sepia telah mengetahui hal arwah suaminya yang berpoligami tanpa pengetahuannya. Yatim telah berkahwin dengan dua orang gadis semasa beliau aktif dalam gerakan kebajikan Islam. Seorang daripadanya merupakan orang dari negeri Kelantan dan seorang lagi dari Narathiwat, Thailand. Kehadiran isteri kedua dan ketiga Yatim ke tanah perkuburan telah mencetuskan kemarahan Cik Sepia. Kegelisahan dan keluh-kesah yang dihadapi akibat menerima kenyataan tersebut membuatkan keadaan menjadi kucar-kacir. Perkara ini dapat dilihat pada petikan berikut:

AHMAD BUKHARI: Mak dah cabut selipar tapi segera disarung kembali ke kakinya oleh kak Ita. Mak cuba bangun tapi dipegang dan ditahan Kak Bibah dan Kak Norma. Bacaan talkin berlansung terus. Mata mak terus memerhati wanita yang bercakap dialek Kelantan itu.

(Hatta Azad Khan, 2015:162)

Petikan tersebut telah menunjukkan bahawa Cik Sepia ingin membuat sesuatu terhadap wanita yang bercakap dialek Kelantan tersebut tetapi berjaya dihalang oleh isteri-isteri Abang Bakti. Kemarahan Cik Sepia terpaksa ditahan dan bacaan talkin diteruskan bagi melancarkan pengebumian jenazah arwah suaminya iaitu Yatim. Walaupun berjaya ditahan, tetapi Cik Sepia terus memerhati akan wanita tersebut kerana tidak dapat melunaskan kemarahannya. Pernikahan secara senyap yang dilakukan oleh arwah ayah Ahmad Bukhari telah menyebabkan keadaan menjadi kacau. Hal ini ditambah pula dengan kehadiran isterinya yang ketiga iaitu Patma Suwunpukde. Wanita yang berasal dari Narathiwat itu juga telah mengaku bahawa beliau merupakan isteri kepada arwah Yatim. Reaksi yang ditunjukkan oleh Cik Sepia telah menunjukkan bahawa kecewa dan marah akan arwah suaminya itu. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

AHMAD BUKHARI: Mak terus pengsan. Abang Bakti dan Kak Bibah mengangkat mak masuk ke kereta dan kereta meninggalkan tanah perkuburan.

(Hatta Azad Khan, 2015:163)

Akibat terkejut dengan berita-berita itu, Cik Sepia telah pengsan di kawasan tanah perkuburan. Cik Sepia terpaksa dibawa ke kereta dan segera meninggalkan kawasan tanah perkuburan. Keadaan Cik Sepia yang sudah berumur itu merisaukan mereka satu keluarga. Hal ini bertambah rumit apabila Cik Sepia sampai ke rumah, Cik Sepia telah membuang gambar-gambar arwah Yatim. Ditambah pula dengan carutan yang keluar dari mulutnya akibat kejadian yang tidak diingini berlaku. Hal ini kerana. Cik Sepia kecewa dengan berita yang diterima bahawa suaminya ada menikahi wanita lain semasa hayatnya masih ada. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

AHMAD BUKHARI: ... Balik rumah, mak tanggalkan semua gambar abah dah campak ke luar tingkap. Semua perkataan carut-marut keluar dari mulut mak.

(Hatta Azad Khan, 2015:165)

Bersasarkan petikan, Cik Sepia telah menunjukkan kebenciannya melihat gambar arwah Yatim. Cik Sepia tidak sanggup lagi melihat gambar-gambar arwah Yatim yang baru sahaja meninggal. Semua gambar yang dicampak oleh Cik Sepia dipungut kembali dan dimasukkan ke dalam kotak oleh anaknya iaitu Ahmad Bakti. Cik Sepia pernah menolak ajakan arwah Yatim untuk buat korban dan akikah di Selatan Siam dan Kelantan kerana beliau lebih selesa di rumah. Tindakan arwah Yatim sememangnya menyakitkan hati Cik Sepia. Tambahan pula perkahwinan yang dilakukan secara senyap dan tidak memberi tahu keluarganya sehingga Yatim meninggal dunia. Perkara ini ditambah pula dengan amanat yang disampaikan oleh Cik Sepia terhadap anak-anaknya.

AHMAD BUKHARI: ...Setahun kemudian mak pula meninggal. Sewaktu sakit di hospital mak berpesan kalau dia mati jangan kuburkan jasadnya di sebelah kubur abah. Tapi dia kan dah mati? Kami kebumikan jenazah bersebelahan kubur abah.

(Hatta Azad Khan, 2015:168)

Berdasarkan petikan tersebut, Cik Sepia telah mengingatkan anak-anaknya untuk tidak mengebumikan jenazahnya di sebelah kubur arwah suaminya. Hal ini kerana kejadian hari pengebumian jenazah Yatim masih lagi menghantuinya. Cik Sepia seperti tidak mahu melupakan kisah tersebut dan tidak ingin memaafkan arwah suaminya, Yatim. Keadaan ini

menunjukkan bahawa Cik Sepia tidak menerima sama sekali bahawa suaminya berkahwin dua wanita lain. Keengganan beliau untuk jasadnya dikuburkan di sebelah kubur Yatim disampaikan kepada anak-anaknya. Walau bagaimanapun, anak-anaknya tidak mengendahkan permintaan tersebut dan menguburkan jenazah Cik Sepia di sebelah kubur ayah mereka, Yatim.

#### **4.1.2 *Superego dalam perspektif watak-watak wanita***

Sekiranya Id hanya mementingkan keinginan atau kehendak, Superego pula menjadi jaringan dan pendinding segala situasi yang cuba meruntuhkan prinsip-prinsip kemanusiaan, sosial, adat istiadat, moral atau perlembagaan hidup (Mana Sikana, 1998). pendinding segala situasi ini merujuk kepada keinginan atau kehendak yang dibataskan atau disekat dengan sesuatu aturan. Antara aturan yang membataskan kehendak seseorang ialah seperti agama atau adat istiadat. Superego ini dapat dikenalpasti dalam watak Norma dan Rugayah yang merupakan antara isteri-isteri Ahmad Bakti.

##### **a. *Norma***

Keinginan yang dibataskan melalui sesuatu aturan seperti masyarakat, komuniti mahupun agama dapat dikenalpasti melalui watak Norma. Kejadian ini terjadi apabila Ahmad Bukhari berbual dengan isteri-isteri Ahmad Bakti. Perkara ini menyentuh soal perkahwinan antara Ahmad Bakti dan isteri-isterinya. Keinginan yang dibataskan oleh agama ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai KAK NORMA: Waktu Abang Bakti melamar akak jadi isterinya, dia dah cakap siang-siang dengan akak. Katanya, Nor akan jadi isteri abang yang pertama, tapi Nor mesti ingat abang bukan milik Nor seorang. Nor akan berkongsi dengan tiga lagi wanita lain. Abang akan mengambil tiga orang lagi ibu tunggal sebagai isteri abang dan mereka semua akan berkongsi seorang suami.

(Hatta Azad Khan, 2015:149)

Watak Norma atau dipanggil Kak Norma bercerita tentang pengalamannya sebelum menjadi isteri pertama Ahmad Bakti. Walaupun sudah menjadi janda, Ahmad Bakti sedia menerima ibu tunggal untuk menjadi isterinya. Walau bagaimanapun, Ahmad Bakti telah berpesan kepada Norma agar merelakannya untuk memperisterikan tiga orang ibu tunggal. Norma telah menerima seadanya sekiranya Ahmad Bakti berpoligami demi kebaikan golongan ibu-ibu tunggal. Rasa kasih dan sayang isteri-isteri Ahmad Bakti iaitu Norma, Habibah, Rozita dan Rugayah tetap tinggi dan menghormati suaminya sebagai ketua keluarga.

##### **b. *Rugayah***

Selain Norma, Rugayah turut memberi perspektifnya mengenai kehendak yang telah dibataskan dan telah memberi kesan kepada hidupnya. Rugayah telah bersyukur kerana Ahmad Bakti telah hadir dalam hidupnya. Kehadiran Ahmad Bakti sebagai seorang suami yang dianggap seperti seorang raja kerana baginya peluang untuk menjadi seorang isteri buat kali kedua merupakan peluang keemasan. Rugayah sangat bersyukur dan meletakkan Ahmad Bakti sebagai seseorang yang penting dalam hidupnya. Seorang isteri seharusnya menghormati suami dan setia kepada suaminya. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai KAK GAYA: Ni akak nak tambah sikit. Dalam dunia ni, orang lelaki 99% adalah setan, cuma 1% saja nabi. Dan orang perempuan pula 95% adalah racun, cuma 5% saja penawar. Kami berempat ini tergolong



dalam yang 5% dan bertemu dengan Abang Bakti yang datangnya daripada golongan yang 1% itu. We cannot ask for more! Abang Bakti adalah dewa, adalah raja adalah segala-galanya. Kami jaga makan pakai dia, jaga tubuh badan dia, jaga tidur bangun dia, jaga keselamatan dia. Pendek kata jaga segala-galanya. Kalau dia balik rumah akak, akak mandikan dia, sabunkan dia, lap badan dia, bulu ketiak dia pun akak cukur!

(Hatta Azad Khan, 2015:149-150)

Wanita-wanita yang berstatus janda itu telah melayan suaminya seperti seorang raja. Walaupun mereka berempat berkongsi kasih dengan seorang lelaki, namun tidak timbul sebarang konflik yang membuatkan mereka begaduh antara satu sama lain. Walaupun ia berbeza dengan pendapat Syarifah Edora dan Cik Sepia yang menentang poligami berhabis-habisan, tetapi mereka tidak terkesan. Isteri-isteri Ahmad Bakti membataskan segala keinginan mereka kerana mereka mendapati suami mereka sudah melengkapkan segala yang diperlukan oleh mereka.

### *c. Alia Najwa*

Berbeza pula dengan watak gadis cilik yang bernama Alia Najwa. Sekiranya Norma dan Rugayah merupakan seorang wanita yang sudah berkahwin, Alia Najwa pula merupakan wanita yang masih bujang dalam memberikan pandangannya tentang poligami melalui tindakannya. Dalam skrip monodrama ini, Alia Najwa telah keluar bersama-sama Profesor Syed Mahfuz menonton wayang, pergi ke konsert muzik dan melayan beliau dengan baik. Hal ini menunjukkan keinginan Alia Najwa untuk meluangkan masa bersama Profesor Syed Mahfuz tetapi tidak memberi harapan untuk berkahwin dengan Profesor Syed Mahfuz. Perkara ini dapat dikenalpasti melalui petikan berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai PROFESOR SYED MAHFUZ: Kari! Aku tak mahu cerita pasal duit. Aku dah jemu. Aku nak hidup macam orang biasa. Relaks. Pi tengok drama, tengok wayang, tengok konsert muzik. Dengan Najwa aku seronok buat semua tu. Dia perkenal aku pada satu kehidupan yang lebih lengkap. Jiwa yang lebih kaya dan berseni. Dulu aku mana tau seni-seni semua ni. Dia bawa aku tengok filem-filem klasik antarabangsa yang cukup bagus, tentang jerih perih rakyat kelas bawahan. Bukan macam filem hampas kita, duk asyik cerita pasai mat rempit, minah bohsia, pasal gengster, pasai nasi kangkang, pasai hantu kematu! Tapi ada gambar Melayu aku tengok, arahan Yasmin Ahmad. Dia dah arwahkan? Filem dia bagus, ada kelas dan boleh pergi ke taraf *international*, tak malu!

(Hatta Azad Khan, 2015:158-159)

Berdasarkan petikan tersebut, Profesor Syed Mahfuz menceritakan bahawa beliau telah mengenali dunia seni dengan bantuan Alia Najwa. Alia najwa dan Profesor Syed Mahfuz bersama-sama tengok wayang, drama dan konsert muzik. Hal ini menunjukkan bahawa Alia melayan Profesor Syed Mahfuz tetapi telah disalah anggap oleh Profesor Syed Mahfuz bahawa Alia Najwa berminat menjadi isteri kedua. Hal ini menunjukkan bahawa, walaupun Alia Najwa meluangkan masa bersama Porfesor Syed Mahfuz, namun Alia Najwa tidak pernah mengujarkan bahawa dia telah jatuh cinta dan ngin berkahwin bersama Profesor Syed Mahfuz.

Alia Najwa hanya menghormati Profesor Syed Mahfuz sebagai seorang profesor dan tidak pernah menyatakan bahawa dia telah jatuh cinta dan ingin menjadi isteri kedua Porfesor Syed Mahfuz.

#### **4.2 Perspektif Watak-Watak Wanita Dari Aspek Sosiologi**

Menerusi skrip monodrama ini, pengaruh persekitaran juga telah mempengaruhi watak-watak wanita memberikan pandangan tentang berpoligami. Perspektif yang dipengaruhi oleh pengaruh sosial ini sering memberi pandangan yang negatif terhadap isu poligami. Antara watak-watak yang memberikan perspektif akibat dipengaruhi persekitaran ialah watak isteri-isteri abang Badri, abang Bakri dan abang Bakti.

##### **a. Isteri-isteri Ahmad Bakri dan Badri**

Watak isteri-isteri Ahmad Badri dan Ahmad Bakri tidak suka akan Ahmad Bakti kerana beliau suka memujuk suami mereka untuk berkahwin dengan ibu tunggal dibawah jagaannya. Penolakan isu poligami yang ditunjukkan oleh isteri-isteri Ahmad Bakri dan Badri ini menunjukkan bahawa mereka tidak menerima kerana mereka beranggapan buruk mengenai poligami isteri-isteri Ahmad Bakri dan Badri tidak mengetahui penjelasan sebenar mengapa poligami diharuskan sedangkan hal ini telah cuba diterangkan oleh Ahmad Bakti kepada suami-suami mereka. Hal ini dapat dikenalpasti melalui petikan berikut:

AHMAD BUKHARI: ...Isteri abang Bakri dan abang Badri pun menyampah dengan dia dan cukup tak suka bila nampak dia datang. Kalau dia telefon nak cakap dengan abang pun dia orang tak layan. Lima tahun abang berjuang, memujuk abah dan adik beradiknya supaya mengikut jejak langkah atau mencontohi dirinya berkorban untuk ibu tunggal. Abang tak serik-serik walaupun kena halau, kena maki hamun dan kena boikot mak, dan isteri-isteri abang Bakri dan abang Badri.

(Hatta Azad Khan, 2015:136-137)

Isteri-isteri Ahmad Bakri dan Ahmad Badri telah mengambil keputusan untuk menjauhkan suaminya dengan Ahmad Bakti kerana Ahmad Bakti gemar memujuk suaminya untuk berkahwin dengan salah seorang ibu-ibu tunggal dibawah jagaannya. Isteri-isteri Ahmad Bakri dan Ahmad Badri tidak mahu suami mereka mengikut jejak langkah Ahmad Bakti yang mempunyai empat orang isteri sekaligus. Keengganan isteri-isteri Ahmad Bakri dan Ahmad Badri adalah disebabkan pengaruh Ahmad Bakti yang ingin berbakti kepada golongan ibu-ibu tunggal. Kedua-dua isteri tersebut tidak mahu suami mereka menduakan mereka.

### **b. Rugayah**

Selain itu, watak isteri-isteri Ahmad Bakti turut memberi pandangan mereka akibat pengaruh persekitaran. Antara isteri-isteri Ahmad Bakti yang memberi pandangan ialah Kak Ita atau Rozita dan Kak Gaya atau Rugayah. Watak-watak ini memberi pandangan mereka kerana dipengaruhi oleh masyarakat luar yang memandang serong dan menyalahkan golongan ibu tunggal dalam hal perkahwinan khususnya. Perihal ini dapat dilihat daripada petikan berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai KAK GAYA: Kita ibu tunggal ni kena sedar diri. Bila dah kena cerai, kena tinggal, kena macam-macam, kita dapat banyak pelajaran. Kita jadi sedar diri dan sangat bersyukur bila ada orang hulur tangan nak tolong. Kita jadi bersemangat bila ada orang sanggup nak buat bini lagi sekali. Orang kita ni, mana nak suka kahwin janda, tambah kalau janda dah beranak pinak. Anak-anak tu orang putih kata extra baggage! Anak teruna mana nak kahwin janda, marah mak bapak. Yang selalu nak menggatal dengan janda ialah suami orang, tapi yang disalahkan tetap perempuan janda. Kalau dah jadi janda macam-macam gelaran kita dapat, orang sentiasa pandang serong...

(Hatta Azad Khan, 2015:143-144)

Pendapat masyarakat yang memandang serong terhadap golongan ibu tunggal atau janda ini seringkali membuatkan mereka selalu rasa tersisih dan terasing. Golongan ibu tunggal ini masih memerlukan pertolongan orang kerana mereka terpaksa berdikari menjaga diri dan keluarga tanpa seorang suami disisi. Walau bagaimanapun, isteri-isteri Ahmad Bakti telah memperoleh peluang kedua untuk mendirikan rumahtangga. Peluang tersebut telah diberi oleh Ahmad Bakti yang berkorban demi menjaga kebajikan ibu tunggal. Walaupun Ahmad Bakti mengamalkan konsep poligami dalam rumahtangganya, namun isteri-isteri beliau menerima seadanya dan tidak merungut. Hal ini kerana, mereka telah mempelajari kesilapan yang terdahulu dan sedar bahawa perkahwinan bukanlah hanya melibatkan dua manusia sahaja.

### **c. Rozita**

Seterusnya, perspektif dari watak Rozita dapat diekspansi kerana perspektifnya sebagai seorang ibu tunggal telah didorong pengaruh persekitarannya. Pengaruh persekitaran yang dimaksudkan ialah pengalamannya yang terdahulu dan bagaimana Rozita berfikir lebih terbuka setelah menerima pengajaran bagi kesilapan yang terdahulu. Baginya, Ahmad Bakti telah membuka mata ramai orang terutama golongan ibu tunggal dalam menerima kesilapan dalam perkahwinan yang lalu. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan petikan yang berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai KAK ITA: Dalam perkahwinan memanglah kita harap yang terbaik, tapi kadang-kadang kita tersilap pilih atau tersilap langkah. Kita terima itu sebagai pengajaran dan kali kedua kita ditemukan jodoh, kita mesti lebih berhati-hati, lebih terbuka, lebih pemurah dan lebih banyak berfikir tentang orang lain. Perkahwinan sebenarnya bukanlah perkongsian antara dua manusia sahaja.

(Hatta Azad Khan, 2015:149)

Berdasarkan petikan diatas, watak Kak Ita atau Rozita telah memberikan pendapat bahawa mereka telah belajar dari kesilapan dahulu dan kali ini mereka menerima poligami dengan tangan terbuka kerana bagi mereka kehadiran Ahmad Bakti menjadi seorang suami yang baik

dan banyak memikirkan kebijakan bagi golongan ibu tunggal. Oleh itu jelaslah bahawa isteri-isteri Ahmad Bakti memberikan persepsi yang positif tentang poligami walaupun sering disalah anggap dan dipandang serong oleh masyarakat luar.

## 5. Rumusan Dan Cadangan

Kesimpulannya, analisis ini membincangkan perspektif wanita dalam skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Terdapat pelbagai aspek dalam perspektif wanita terhadap poligami iaitu konsep Id dan Superego dari aspek psikologi serta aspek sosiologi. Setiap aspek tersebut mempunyai ciri-ciri tersendiri iaitu daripada aspek psikologi, konsep id telah ditunjukkan oleh Syarifah Edora dan Cik Sepia dan mereka merupakan isteri pertama. Bagi konsep Superego pula, watak Norma dan Rugayah telah memberikan perspektif mereka yang bergelar janda. Konsep Superego turut dikesan melalui watak Alia Najwa yang merupakan seorang anak dara. Melalui Aspek sosiologi, watak isteri-isteri Ahmad Bakri dan Badri yang merupakan isteri pertama telah memberi perspektif mereka. Wanita-wanita yang bergelar janda iaitu Rugayah dan Rozita turut memberi perspektif dari aspek sosiologi. Oleh itu, jelaslah bahawa status sosial dalam kalangan wanita mempengaruhi penerimaan dan penolakan isu poligami dalam skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*.

## Rujukan

- Dewani Romli. 2016. Persepsi Perempuan Tentang Poligami (Studi pada Badan Musyawarah Organisasi Islam Wanita Indonesia Provinsi Lampung)\*. *Jurnal Al-'Adalah* 13(1):117-126.
- Farrah Wahida Mustafar dan Adam Badrulhisyam. 2018. Konsep Poligami Mengikut Perspektif Para Isteri dalam Jemaah Global Ikhwan Sdn. Bhd. *Jurnal Maw'izah* 1:65-88.
- Hatta Azad Khan. 2015. *OTG*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Suhada Roslan & Shaiful Bahri Md Radzi. 2017. "Wanita Tiga Serangkai" dalam Syair Sultan Abdul Muluk melalui kritik feminis Showalter. *Jurnal Melayu* 16(2): 191-216.
- Ooi Eng Lye. 2005. *Novel Terpilih Shahnnon Ahmad: Satu Kajian Pendekatan Gender*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.). 2013. *Gender dalam Sastera Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.